

PENDEKATAN BELAJAR MELALUI BERMAIN DAN TAHAP PERTUTURAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH: KERANGKA KONSEPTUAL

Amala Thavandran
Universiti Selangor
amala_amu@yahoo.com

Siti Rehani Che Hussain
Universiti Selangor
rehani@unisel.edu.my

ABSTRAK

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan belajar melalui bermain untuk mengenalpasti keberkesanan untuk meningkatkan tahap pertuturan kanak-kanak prasekolah. Belajar melalui bermain adalah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Melalui teknik ini, kanak-kanak mendapat keseronokkan dan kepuasan dalam sesuatu pengajaran yang hendak disampaikan. Dengan bermain juga kanak-kanak akan dapat menguasai perkembangan dan kemahiran fizikal dan penguasaan bahasa dari segi perbendaharaan dan peraturan tatabahasa. Melalui sorotan literatur berserta peninjauan teori, sebuah kerangka konseptual terbina dalam menjadi landasan kajian ini diperkembangkan. Kerangka konseptual kajian ini adalah berdasar kepada Teori Kognitif Piaget dan Teori Mentalis Chomsky dalam mengenalpasti penggunaan pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan tahap pertuturan kanak-kanak prasekolah.

Kata kunci: Pembelajaran bermain, Pertuturan, Penguasaan Bahasa, Kanak-kanak

ABSTRACT

In this study, researchers used the learning through play approach to identify the effectiveness of improving the speech levels of preschool children. Learning through play is an effective teaching and learning technique for children. Through this technique, children get pleasure and satisfaction in a lesson to be delivered. In addition, by playing, children will master the development and physical skills and mastery of language in terms of vocabulary and grammar rules. Through literature review and theoretical review, a built-in conceptual framework for this study's foundation was developed. The conceptual framework of this study is based on Piaget's Cognitive Theory and Chomsky's Mentalist Theory in identifying the use of learning through play approaches in teaching and learning to improve the speech level of preschool children.

Keywords: Learning through play, Speech, Language mastery, Children

PENGENALAN

Aktiviti bermain ialah fitrah kanak-kanak dan mereka dikatakan tidak lengkap tanpa bermain di alam kanak-kanak. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan jika kurikulum pendidikan kanak-kanak adalah berasaskan aktiviti bermain. Melalui aktiviti bermain, kanak-kanak belajar dan memahami isu-isu yang berlaku di sekeliling mereka dalam keadaan yang menggembirakan dan bermakna kepada mereka.

Pakar dalam bidang perkembangan kanak-kanak percaya aktiviti bermain merangsang fungsi otak yang dapat memupuk perkembangan kognitif, sosial, emosi dan fizikal kanak-kanak. Semasa bermain, kanak-kanak berinteraksi dengan rakan sebaya melalui perbincangan dan soal jawab. Kanak-kanak belajar berkomunikasi, berinteraksi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran melalui bermain. Menurut Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2005) dan Saayah Abu (2009) menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan main penting dalam menentukan peningkatkan tahap pertuturan kanak-kanak prasekolah.

Masalah tahap pertuturan yang berbeza dalam kalangan kanak-kanak prasekolah mendapat perhatian daripada para guru. Guru bimbang akan tahap pertuturan kanak-kanak prasekolah kerana proses pengajaran dan pembelajaran yang diberikan kepada kanak-kanak adalah selaras tetapi pencapaiannya adalah tidak sama iaitu ada kanak-kanak yang dapat meningkatkan tahap pertuturan dan ada kanak-kanak yang masih kekal sama tanpa sebarang perkembangan.

Kajian ini dapat melihat sejauh mana penggunaan pendekatan belajar melalui bermain dapat meningkatkan tahap pertuturan kanak-kanak prasekolah. Guru yang tidak berkemahiran dalam mengaplikasikan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran akan mengundang kepada masalah pertuturan kepada kanak-kanak.

Objektif Kajian

- i. Untuk mengenalpasti penggunaan pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan tahap pertuturan kanak-kanak prasekolah.

- ii. Untuk membentuk satu kerangka konseptual dalam mengenalpasti kepentingan pendekatan belajar melalui bermain dalam proses pertuturan kanak-kanak prasekolah.

SOROTAN LITERATUR

Pendekatan Belajar Melalui Bermain

Belajar melalui bermain adalah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Melalui teknik ini juga akan mendatangkan keseronokkan dan kepuasan kepada mereka dalam sesuatu pengajaran yang hendak disampaikan. Dengan bermain juga kanak-kanak akan dapat menguasai perkembangan dan kemahiran fizikal dan penguasaan bahasa dari segi perbendaharaan dan peraturan tatabahasa.

Menurut Mak Soon Sang (2004), dalam bukunya *Pendekatan dan Strategi Pengajaran*, main merupakan satu teknik mengajar yang memberi peluang kepada kanak-kanak melakukan sesuatu aktiviti secara berpura-pura di dalam keadaan terkawal. Aktiviti bermain adalah sesuatu aktiviti yang akan mendatangkan keseronokkan kepada mereka. Permainan merupakan saluran yang boleh mengembangkan perkembangan kanak-kanak ke tahap yang optima.

Gestwicki dan Bertrand (2011), berpendapat, bermain ialah kaedah pembelajaran kanak-kanak. Manakala Moyles (2005), yang melihat perkaitan antara bermain dengan pembelajaran menyatakan bermain dapat memberikan pengalaman hebat kerana melalui bermain kanak-kanak memperoleh pengalaman sebenar. Menurut Samuelsson & Johansson (2006), bermain dan pembelajaran adalah dimensi yang merangsang antara satu sama lain, berupaya memberikan kanak-kanak pengalaman yang dapat membantu mereka memahami dunia di sekeliling mereka.

Pendekatan belajar melalui bermain yang disarankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2003), adalah satu pendekatan yang terancang dan berstruktur bagi memberi peluang kepada murid belajar dalam suasana yang menggembirakan dan bermakna. Pendekatan belajar melalui bermain dirancang supaya penekanannya dalam proses pengajaran

dan pembelajaran kerana melalui bermain mereka dapat membuat penerokaan, penemuan dan pembinaan melalui pengalaman langsung secara semulajadi.

Oleh itu, penekanan kepada pendekatan ini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran itu menggemirakan di samping keupayaan kognitif, keinginan untuk meneroka bagi memenuhi perasaan ingin tahu, kemahiran motor kasar dan motor halus, serta meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif. Pusat Perkembangan Kurikulum menggariskan ciri-ciri pendekatan belajar sambil bermain iaitu menggemirakan, melibatkan penerokaan dan interaksi kanak-kanak dengan persekitaran, melibatkan percubaan idea kanak-kanak sendiri, memberi peluang kanak-kanak untuk menumpukan perhatian dan kelonggaran masa bermain.

Tahap Pertuturan Kanak-kanak

Menurut Miller (2009), masa yang paling kritikal dalam perkembangan bahasa dan pertuturan kanak-kanak adalah peringkat awal kanak-kanak. Beliau telah memberikan beberapa petunjuk penting perkembangan kanak-kanak normal. Tahap pertuturan kanak-kanak boleh di kategorikan mengikut umur.

Pada umur 1 tahun kanak-kanak berupaya untuk mengenal nama, mereka boleh menyebut dua hingga tiga perkataan tambahan kepada “mama”, “papa” dan mereka juga memahami arahan-arahan yang mudah. Pada tahap pertuturan 1 hingga 2 tahun, kanak-kanak memahami perkataan tidak, dapat menggunakan sepuluh hingga dua puluh perkataan termasuk nama-nama iaitu gabungan dua perkataan seperti “Mak, makan”. Di samping itu, kanak-kanak akan meniru bunyi binatang yang sudah biasa seperti lembu serta mula melambai-lambai kepada sesiapa yang bermaksud selamat jalan.

Selain itu, pada 2 hingga 3 tahun, kanak-kanak dapat mengenal anggota badan, menggunakan dua perkataan dalam frasa negatif seperti “tak mau”. Memahami konsep masa yang mudah seperti “esok” dan “semalam”. Menyesuaikan tiga atau empat warna, tahu tentang “kecil” dan “besar”. Pada umur 3 hingga 4 tahun, kanak-kanak sudah boleh bercerita dengan menguasai lebih kurang 1000 patah perkataan, memahami makna “kelmarin”, “makan tengah hari”. Kanak-kanak mula menurut arahan dan permintaan seperti “letak kasut di luar”.

Selama 4 hingga 5 tahun, kanak-kanak menguasai lebih kurang 1,500 patah perkataan, mengenal pasti segi tiga, bulatan, atau segi empat, boleh bercakap angan-angan seperti “saya harap,,”. Kanak-kanak mula banyak menyoal, termasuk “Mengapa...?”. Pada 5 hingga 6 tahun, menguasai lebih kurang 2,000 patah perkataan, memahami hubungan ruang seperti “atas” dan “belakang”, tahu alamat sendiri, tahu perkataan antonim mudah seperti “kecil dan besar”, membezakan tangan kanan dan tangan kiri tanpa bantuan dan menggunakan berbagai jenis ayat.

Kerangka Teoritikal Kajian



Rajah 1: Menunjukkan kerangka teoritikal kajian ini

Dalam kerangka kajian ini terdapat empat aspek yang penting iaitu dalam pendekatan belajar melalui bermain menunjukkan keseronokkan, minat, semangat dan ingatan jarak panjang sekiranya pendekatan ini dilaksanakan dengan cara yang betul. Jika pendekatan dan penglibatan kanak-kanak berjaya maka pertuturan kanak-kanak akan meningkat seperti dalam Rajah 1.

Teori Perkembang Kognitif Jean Piaget

Pada tahun 2009, Saayah Bt. Abu meninjau tentang perlaksanaan kaedah belajar melalui bermain di lima jenis tadika dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk meninjau kepentingan, kefahaman, perancangan dan perlaksanaannya. Sampel kajian terdiri daripada 25 orang guru yang ditemubual, di samping memberi respon soal selidik. Seramai 810 orang kanak-kanak telah diperhatikan untuk melihat bagaimana aktiviti bermain dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran. Tadika-tadika yang terlibat ialah Kemas, Jaim, Perpaduan, Swasta dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Data-data dipungut berdasarkan

soal selidik, temu bual, pemerhatian dan pendapat responden. Keputusan kajian menunjukkan guru-guru tidak faham konsep belajar melalui bermain. Mereka juga dapati sukar untuk melaksanakan aktiviti belajar melalui bermain kerana masih kurang jelas tentang pendedahan dalam kaedah ini.

Pengkaji telah menggunakan empat konsep utama teori kognitif Piaget ialah skema, akomodasi, asimilasi dan adaptasi yang dikenali sebagai keseimbangan. Ketika umur bayi masih kecil, mereka mengenali sesuatu objek melalui skema. Dengan kata lain, skema ialah satu struktur kognitif dan struktur kognitif yang terkumpul lebih dari satu akan membentuk skemata. Skemata boleh berubah melalui proses iaitu organisasi. Organisasi bermaksud individu mencantum skemata yang sedia ada untuk membentuk skemata baru yang kompleks. Adaptasi pula ialah perubahan semata-mata semasa menemui sesuatu objek, maklumat dan pengalaman baru melalui asimilasi dan akomodasi.

Piaget menyatakan bahawa pemikiran kanak-kanak terbentuk melalui proses akomodasi dan asimilasi. Proses asimilasi ialah satu proses di mana pengetahuan baru yang diterima oleh kanak-kanak di masukkan ke dalam skema pemikiran yang ada dalam kanak-kanak. Proses ini ada berkaitan dengan pengalaman dan pengetahuan lepas. Manakala proses akomodasi ialah satu proses di mana kanak-kanak terpaksa membuat perubahan dan modifikasi kepada skema pemikiran yang sedia ada kerana pengetahuan yang baru diterima tidak sepadan dengan skema pemikiran yang lama. Keseimbangan akan tercapai apabila seseorang kanak-kanak menyeimbangkan proses asimilasi dan akomodasi.

Teori Pemerolehan Bahasa Mentalis Noam Chomsky

Chomsky menyatakan bahawa proses perkembangan bahasa seseorang individu lebih kompleks daripada peneguhan kepada gerakbalas yang betul atau mempelajari daripada orang dewasa melalui peniruan. Chomsky juga mencadangkan perkembangan bahasa individu adalah merupakan proses dalaman dan dipengaruhi oleh individu itu sendiri. Ini bermaksud individu dilahirkan dengan keupayaan berbahasa yang tersendiri yang mana Chomsky melabelkan sebagai “Tatabahasa Universal”.

Tatabahasa Universal ini adalah asas kepada semua bahasa yang ada. Kanak-kanak dilahirkan dengan keupayaan menggunakan Tatabahasa Universal ini. Mereka akan memerhati

dan memadankan cara-cara penyusunan ayat dengan bahasa yang digunakan di persekitaran mereka. Akhirnya mereka akan menyesuaikan pembentukan ayat tadi dengan gaya bahasa yang terdapat di persekitaran mereka. Kemahiran ini tidak dipelajari secara langsung daripada orang-orang dewasa di sekitar kanak-kanak ini tetapi dikuasai secara tidak langsung oleh kanak-kanak itu sendiri. Kemahiran ini disifatkan oleh Chomsky sebagai satu alat pembelajaran bahasa yang ada pada setiap individu semenjak dilahirkan. Ia adalah bersifat semulajadi dan diwarisi. Alat ini dikenali sebagai “Alat Penguasaan Bahasa” (*Language Acquisition Device*).

Kelebihan Menggunakan Teori Pemerolehan Bahasa Mentalis menekankan proses perkembangan pemikiran kanak-kanak. Pembelajaran bahasa diajar secara berperingkat-peringkat mengikut kematangan murid berkenaan. Proses pembelajaran berlaku secara sistematik dan guru dapat mengawal kadar kemajuan pembelajaran murid secara berperingkat-peringkat. Menekankan pembelajaran mengikut kadar sendiri, murid berpeluang belajar sesuatu pengetahuan atau kemahiran berdasarkan minat, kebolehan dan tahap kognitif mereka sendiri.

Untuk menyokong pendapatnya, Chomsky telah berhujah menyatakan bahawa kanak-kanak pada amnya hanya mempunyai sedikit pendedahan kepada formasi bahasa. Semasa zaman kanak-kanak, mereka tidak diajar untuk membentuk ayat-ayat tertentu secara formal. Tambahan pula pada individu yang lebih dewasa berinteraksi, pembentukan ayat mereka sentiasa berubah-ubah, sering membuat kesilapan atau menukar fikiran apabila berinteraksi. Tetapi apabila kanak-kanak mencapai pada tahap kematangan mereka boleh menguasai kemahiran berbahasa dengan cara yang tersendiri.

Selain daripada itu, kanak-kanak bukan hanya sekadar meniru bahasa-bahasa yang digunakan di sekitar mereka tetapi mereka membuat deduksi secara tidak sedar tentang peraturan-peraturan bahasa yang didengar. Oleh sebab itu mereka boleh merangka ayat dan frasa yang tersendiri dan bukan hanya ditiru daripada persekitaran. Mereka juga tidak mempelajari atau menyimpan frasa-frasa bahasa yang didengar sebagai ransangan seperti yang didakwa oleh ahli behavioris tetapi mereka membentuk sendiri peraturan-peraturan bahasa untuk menghasilkan ayat-ayat dan frasa-frasa baru.

Menurut Piaget seperti yang dipetik oleh Juriah Long (1990), manusia mempunyai peringkat otak dan saraf yang tinggi, dan dengan otak manusia berkebolehan untuk mempelajari berbagai-bagai hal. Proses ini melibatkan seseorang pelajar menerapkan ataupun menyesuaikan pengetahuan yang telah sedia ada dalam otaknya dengan data-data yang diperolehi daripada persekitarannya. Golongan ini menekankan bahawa terdapat hubungan yang erat di antara bahasa dengan pemikiran. Penguasaan bahasa memerlukan proses mental.


Di samping itu, menurut Piaget seperti yang dipetik oleh Kamarudin (1986), berpendapat apabila seseorang itu mahu menggunakan bahasa, dia haruslah menggunakan fikirannya untuk membentuk ayat-ayat yang gramatis dan bermakna. Teori ini juga sangat menegaskan makna dan proses-proses yang tersembunyi yang terlibat dalam produksi bahasa. Semua bidang penghuraian bahasa mestilah berdasarkan kepada logik kerana sesuatu yang tidak dapat diertikan sebagai tidak bermakna dan tidak dapat diterima. Oleh itu teori mentalis menganggap bahawa seseorang pelajar itu memperoleh bahasa secara natural kerana kebolehan ini sudah terancang dalam diri mereka dari segi biologis. Pelajar yang terdedah kepada bahasa akan dengan sendirinya berkeupayaan untuk berbahasa.

Selain itu, menurut seorang pendukung teori mentalis iaitu George A. Miller seperti yang dipetik Kamarudin (2001), menggambarkan proses-proses mental yang dapat dilakukan oleh seseorang pendengar apabila menghadapi sesuatu pertuturan. Proses-proses itu ialah mendengar, memadankan, menerima, mentafsirkan, memahami dan mempercayai. Secara ringkasnya, teori ini lebih menekankan kepada pengetahuan seseorang kerana sejak dilahirkan manusia mempunyai kebolehan untuk menguasai bahasa. Kebolehan ini wujud secara semula jadi. Dua perkara yang penting dilihat dalam teori ini iaitu kecekapan (competence) dan prestasi (prestasi). Selain itu bahasa mempunyai pertalian yang erat dengan pemikiran. Penguasaan bahasa berkaitan dengan keupayaan mental. Akhir sekali, dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, aspek pemikiran, pengetahuan dan makna diberi penekanan.

Menurut Mead, Hargreaves seperti yang dipetik oleh Mak Soon Sang (2012), keupayaan dan mempunyai keinginan yang kuat untuk berinteraksi dengan orang lain, bersama dengan bahasa yang kaya serta alam sosial yang konduksif akan membolehkan kanak-kanak membina sistem komunikasi yang berkesan. Oleh kerana warisan baka dan perbezaan alam belajar, perbezaan individu akan berlaku dari aspek pembelajaran bahasa.

Seterusnya, menurut Bruner seperti yang dipetik oleh Mak Soon Sang (2012), bahasa ialah perwakilan yang penting dalam perkembangan kognitif manusia. Beliau berpendapat manusia mula menggunakan tindakan sebagai usaha memahami alam sekitar dan apabila tindakan tidak mencukupi, menukarnya kepada penggunaan gambar atau perwakilan simbol, bahasa untuk membantu mereka berfikir dan menyelesaikan masalah seperti membentuk konsep dan membuat generalisasi.

Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 2: Menunjukkan kerangka konseptual kajian ini

Kerangka konseptual kajian ini mendasari dua teori yang berlainan iaitu Teori Kognitif Piaget dan Teori Mentalis Pemerolehan Bahasa Chomsky. Pertuturan kanak-kanak akan meningkat sekiranya tahap kognitif mereka dapat dikembangkan dengan betul melalui fonologi, morfologi dan sintaksis seperti dalam Rajah 2.

METODOLOGI

Penyelidik telah menggunakan reka bentuk kuantitatif. Kajian ini bertujuan mengkaji dan memahami fenomena. Penyelidik telah mengumpulkan data daripada kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian berstruktur.

Instrumen Kajian

Penyelidik telah menghuraikan instrumen yang hendak digunakan dalam kajian ini. Penyelidik telah menggunakan dua instrumen dalam kajian ini iaitu pemerhatian dan temu bual untuk mendapatkan jawapan dalam kajian ini.

Pemerhatian

Penyelidik telah membuat pemerhatian untuk mengenalpasti cara pendekatan belajar melalui bermain diaplikasikan oleh guru prasekolah semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, penyelidik telah memerhatikan tindak balas kanak-kanak terhadap pendekatan yang digunakan dan mengenalpasti tahap pertuturan samada mempunyai peningkatan atau tidak.

Temu bual

Selain itu, penyelidik telah menemubual guru prasekolah untuk mengetahui prestasi kanak-kanak terhadap tahap pertuturan mereka selepas mengaplikasikan pendekatan belajar melalui bermain. Temu bual dengan guru dapat membantu kajian penyelidik kerana guru dapat mengesan perubahan mereka dari semasa ke semasa. Penyelidik menyediakan soalan temu bual.

Populasi Kajian

Penyelidik telah menganggarkan populasi iaitu seluruh populasi di Malaysia dan seluruh prasekolah di Malaysia. Penyelidik telah memilih populasi kanak-kanak prasekolah daripada 5 ribu buah sekolah di seluruh Malaysia iaitu prasekolah yang menampung kanak-kanak daripada pelbagai ras namun kanak-kanak berbangsa melayu adalah terdiri daripada jumlah yang besar. Kategori sekolah yang telah dikaji adalah sekolah di luar Bandar di Dearah Gombak. Di samping itu, status sosial ekonomi ibu bapa kanak-kanak prasekolah adalah lebih kurang sama iaitu pendapatan sederhana. Status pendidikan ibu bapa kanak-kanak adalah tidak jauh beza antara satu sama lain kerana terdiri daripada golongan berpendapatan sederhana.

Persampelan Kajian

Dalam kajian ini, teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan yang sedia ada di dalam kelas.

Prosedur Pengumpulan Data

Penyelidik telah menjalankan kajian bersama-sama dengan pembantu penyelidik. Kajian telah dikaji oleh penyelidik dan pembantu penyelidik yang mempunyai kelayakkan dan kebolehan yang hampir sama dengan penyelidik. Pembantu penyelidik harus berkecualan iaitu mengikuti bidang kursus yang sama dengan penyelidik seperti Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Institusi pengajian yang sama iaitu Universiti Selangor. Tempoh kajian telah dijalankan adalah selama 8 minggu dan menggunakan modul pembelajaran belajar melalui bermain.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menunjukkan bahawa pendekatan belajar melalui bermain memberi kesan yang positif kepada kanak-kanak prasekolah. Tahap pertuturan kanak-kanak menjadi lebih lancar dan jelas serta menguasai perbendaharaan kata yang banyak. Selain itu, mereka belajar bersosial dengan kanak-kanak yang lain di prasekolah setelah mendapat keyakinan diri untuk bertutur. Maka proses pertuturan boleh dikatakan sangat berkait rapat dengan keadaan bermain.

Rujukan

- Gestwicki, C. & Bertrand, J. (2011). *Essentials of early childhood education*. 4th Edition. Toronto: Nelson Education.
- Johansson E. & I. Pramling Samuelsson. (2006). *Play and learning – inseparable dimensions in preschool practice*. Early Child Development and Care
- Juriah Long et.al., (1990). *Perkaedahan pengajaran bahasa malaysia*, Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, Selangor
- Kamarudin Hj Husin. (1986). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran*, Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd., Selangor, Malaysia

- Mak Soon Sang. (2004). *Pendekatan dan strategi pengajaran*. Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Mak Soon Sang. (2007). *Pedagogi untuk pengajaran dan pembelajaran*. Penerbit: Multimedia Sdn. Bhd.
- Mak Soon Sang. (2012). *Perkembangan kanak-kanak*. Penerbit Multimedia Sdn.Bhd.
- Miller, E. & Almon, J. (2009). *Crisis in the kindergarten: Why children need to play in school*. www.eddigest.com.
- Moyles, J. (2005). *The excellence of play*. New York: Open Press University.
- Saayah Abu. (2006). *Pelaksanaan aktiviti belajar melalui bermain di tadika-tadika kawasan melaka tengah Melaka* (Tesis yang tidak diterbitkan) Jabatan Ilmu Pendidikan Maktab Perguruan Islam.
- Sharifah Nor Puteh. *Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah* (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sharifah Nor Puteh. *Persepsi guru terhadap penggunaan kurikulum yang berasaskan bermain bagi aspek perkembangan bahasa dan literasi murid prasekolah* (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.